

PERATURAN PEMARKAHAN

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TAHUN 2024**

TASAWWUR ISLAM

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



Bahagian A

NO SOALAN	JAWAPAN
1	Qadak
2	Etika
3	Murtad
4	Efisien
5	pengabdian
6	bertakwa
7	khalifah
8	syura
9	P: 114
10	Q: 6236
11	Pembalasan/Pemulihan
12	Pembalasan/Pemulihan
13	Qisas / Diat
14	Qisas / Diat
15	Efektif / Amar makruf dan nahi mungkar
16	Efektif / Amar makruf dan nahi mungkar
17	√
18	X
19	X
20	√

BAHAGIAN B

No Soalan			Jawapan	Markah
1	(a)		Maksud Iman dari segi istilah. - Membenarkan dengan hati, berikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan terhadap segala perintah dan suruhan Allah SWT.	1 isi x 2m =2m
	(b)	(i)	Sifat ihsan yang perlu diamalkan dalam kehidupan. - Berbuat baik - Belas kasihan kepada haiwan	1 isi x 1m =1m
		(ii)	Sifat ihsan perlu ada dalam diri seseorang - Hidup saling bantu membantu (I) agar ukhwah dapat dilaksanakan dalam kehidupan (H1) agar dapat menjamin kehidupan yang harmoni(H2) kerana mengamalkan kehidupan berlandaskan syariat Islam(H3). Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa melakukan amal kebaikan agar kehidupan kita Bahagia di dunia dan di akhirat(K) Cadangan isi yang lain: - Berusaha dalam melakukan sesuatu - Takut untuk melakukan kejahatan	5 isi x 1m =5m
	(c)	(i)	Dua kebaikan bekerja. - Mendapat keredaan dan keberkatan daripada Allah SWT(I) kerana memenuhi tuntutan fardu ain(H) - Mencari rezeki yang halal(I) untuk menyara kehidupan sendiri dan keluarga(H) - Mampu berdikari(I) tanpa perlu meminta belas ihsan daripada orang lain(H) - Meningkatkan ataraf hidup(I) kerana memiliki sumber pendapatan(H) - Mengurangkan masalah pengangguran(I) kerana semua memiliki pekerjaan(H)	2 isi x 2m =4m
		(ii)	Dua etika kerja menurut Islam. - Ikhlas bekerja(I) kerana Allah SWT(H) - Amanah ketiak bekerja(I) seperti tidak menipu(H) - Tekun bekerja (I) supaya memperoleh hasil yang diberkati Allah SWT(H)	2 isi x 2m =4m

			- Akur terhadap arahan ketua(I) selagi tidak bertentangan dnegan syarak(H) - Bekerjasama (I) untuk meningkatkan produktiviti(H) - Berdisiplin dan menepati masa (I) agar kerja dapat disiapkan(H)	
	(d)		Dua kesan pengabaian sistem ekonomi Islam. - Matlamat negara yang baik dan mendapat pengampunan Allah SWT tidak akan tercapai(I) kerana tidak mematuhi syariat Islam(H) - Amalan riba berleluasa(I) menyebabkan golongan pemodal semakin kaya manakala golongan miskin semakin tertindas(H) - Nilai-nilai moral semakin terhakis(I) seperti mengamalkan riba dan rasuah(H) - Pengagihan harta yang tidak adil dan pemilikan harta yang hanya tertumpu kepada kelompok atasan sahaja(I) menyebabkan berlakunya penindasan kepada golongan miskin(H) - Ekonomi sesebuah negara akan hancur(I) kerana banyak berlaku amalan rasuah dan riba(H)	2 isi x 2m =4m
2	(a)	(i)	Maksud hamba. - Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.	1 isi x 2m =2m
		(ii)	Dua kesan pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. - Berlaku keruntuhan akhlak dan jenayah berleluasa(I) kerana tidak mengamalkan syariat Islam(H) - Masyarakat akan kekurangan ilmu dan jahil(I) kerana bersikap malas(H) - Hilang kepercayaan kepada pemimpin(I) menyebabkan negara mundur(H) - Ekonomi tidak membangun(I) kerana masyarakat tidak mahu bekerja(H) - Berlaku perpecahan dan diskriminasi (I) dalam masyarakat(H)	2 isi x 2m =4m
	(b)		Dua kedudukan wahyu. - Wahyu merupakan sumber dan panduan kepada setiap manusia(I) untuk dijadikan pegangan(H) - Menjadi rujukan utama(I) dalam menntukan hukum-hukum(H)	2 isi x 2m =4m

		- Sebagai pemisah antara hak dan batil(I) untuk menjadikan kehidupan yang sejahtera(H) - Pemikiran yang bertentangan dengan wahyu dianggap salah dan sesat(I) kerana ia boleh membawa kepada penyelewengan akidah(H) - Sebagai petunjuk mutlak(I) yang tidak terpengaruh dengan suasana ataupun peristiwa(H)	
	(c)	Dua matlamat sistem kehakiman Islam. - Menegakkan keadilan - Menentang kezaliman - Membela orang yang dizalimi	2 isi x 1m =2m
	(d)	Hakim dilarang untuk mensabitkan kesalahan terhadap tertuduh jika ada keraguan dari segi bukti dan hujah. - Supaya tidak berlaku penganiayaan kepada tertuduh(I) kerana Keputusan yang dibuat adalah tidak tepat(H)	2 isi x 1m =2m
	(e)	Yang akan berlaku sekiranya hakim yang dilantik tidak mempunyai syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak. - Keputusan yang dibuat akan terdapat keraguan(I) kerana hakim kurang berilmu dan bijaksana(H1) dalam memutuskan sesuatu hukuman(H2) yang menyebabkan akan berlaku ketidakadilan kepada tertuduh(H3) kerana hakim tidak menangani dengan bijak(H4). Kesimpulannya seorang hakim hendaklah sentiasa berijtihad dan menguasai ilmu-ilmu kehakiman agar dapat menyelesaikan masalah secara menyeluruh(K) Cadangan isi yang lain: - Penyalahgunaan kuasa akan berlaku - Amanah yang dipertanggungjawabkan tidak dapat dilaksanakan dengan baik	6 isi x 1m =6m
3	(a)	Maksud keluarga dalam Islam - Unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat.	1 isi x 2m =2m
	(b)	Dua konsep hiburan dalam Islam. - Bertujuan mengagungkan Allah SWT dan mendidik jiwa - Berhibur selari dengan kehendak syariat - Meliputi aspek iman dan akhlak	2 isi x 1m =2m

		- Memenuhi tuntutan fitrah manusia - Membangunkan potensi umat Islam	
	(c)	Cara untuk mengatasi masalah keganasan rumah tangga daripada semakin berleluasa dalam rumah tangga. - Mendalami ilmu agama(I) agar dapat menyelesaikan masalah dengan bijak(H1) seperti berbincang (H2) untuk memastikan kesahihan sesuatu perkara(H3) agar tidak berlaku perceraian atau pergaduhan(H4). Kesimpulannya kita hendaklah menitik beratkan pengetahuan agama untuk membina krumah tangga yang aman dan damai(K) Cadangan isi yang lain: - Meminta nasihat dari keluarga - Melaporkan kepada pihak yang bertanggung jawab	6 isi x 1m =6m
	(d)	(i) Dua prinsip negara Islam. - Musyawarah (Al-Syura) - Keadilan (Al-Adalah) - Kebebasan(Al-Hurriyyah) - Persamaan(Al-Musawah)	2 isi x 1m =2m
		(ii) Dua kesan pengabaian tanggungjawab rakyat - Hilang rasa taat setia terhadap khalifah(I) kerana mementingkan diri sendiri(H) - Keselamatan negara terancam(I) kerana tidak bersikap patriotisme(H) - Mencetuskan perbalahan(I) dalam kalangan masyarakat(H) - Berlaku kemungkaran secara berleluasa(I) kerana tidak mematuhi undang-undang(H)	2 isi x 2m =4m
	(e)	Dua kepentingan melaksanakan tuntutan dan tanggung jawab khilafah. - Mendapat keredaan Allah SWT(I) kerana pemerintahan berteraskan al-Quran dan al-Hadis(H) - Mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat(I) kerana mementingkan sikap saling hormat menghormati(H) - Menjamin keamanan negara(I) kerana menjalankan tadbir urus Islam dengan baik(H) - Memastikan pelaksanaan keadilan kepada semua pihak(I) agar rakyat tidak berasa dizalimi(H)	2 isi x 2m =4m

4	(a)	Dua rukun Iman. - Beriman kepada Allah SWT - Beriman kepada Malaikat - Beriman kepada Kitab-kitabnya - Beriman kepada Hari Akhirat - Beriman kepada Qadak dan Qadar	2 isi x 1m =2m
	(b)	Dua kepentingan rukun Iman dalam kehidupan. - Iman merupakan syarat amalan diterima oleh Allah SWT(I) kerana yakin akan keesaan-Nya(H) - Menghubungkan makhluk dengan Allah SWT(I) dari sudut kepercayaan dan keyakinan yang bersumberkan wahyu(H) - Menegaskan konsep megesakan Allah SWT(I) sebagai ajaran yang dibawa oleh semua nabi dan rasul(H)	2 isi x 2m =4m
	(c)	Dua kepentingan ibadah solat. - Meneguhkan hubungan manusia dengan Allah SWT(I) kerana melakukannya dengan ikhlas(H) - Meningkatkan ketakwaan(I) agar dapat mencegah kemungkaran berlaku(H) - Meningkatkan hubungan baik dalam Masyarakat(I) melalui solat berjemaah(H)	2 isi x 2m =4m
	(d)	Empat jenis muamalat Islam. - Al-Wadiah - Al-Mudarabah - Al-Murabahah - Al-Musyarakah - Al-Rahnu - Al-Ijarah - Al-Bai’Bithaman Ajil - Takaful	4 isi x 1m =4m
	(e)	(i) Langkah menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam selain di atas(memberi didikan agama) - Memberikan penerangan melalui media massa - Mengembangkan kemudahan perbankan Islam - Mengemaskinikan sistem muamalat Islam	1 isi x 1m =1m

		(ii)	Masyarakat perlu bermuamalat dengan muamalat Islam. - Mendapat manfaat dari sudut ganjaran pahala(I) kerana menurut syariat Islam(H1) seperti jujur dalam berjual beli(H2) yang akan memberikan faedah kepada ke dua-dua belah pihak(H3) Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa mengamalkan kehidupan yang berlandaskan syariat Islam agar kehidupan diberkati(K) Cadangan isi yang lain: - Memperoleh jaminan keadilan - Dapat saling mengenali	5 isi x 1m =5m
5	(a)		Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dari aspek agama - Syariat dan undang-undang Islam dapat dilaksanakan(I) agar kehidupan sejahtera(H) - Rakyat berpegang teguh dengan ajaran Islam (I) yang sebenar(H) - Nilai murni dan akhlak mulia dapat dihayati dan dipraktikkan(I) dalam kehidupan(H)	2 isi x 2m =4m
	(b)	(i)	Dua aktiviti yang menyalahi tindakan sebagai hamba dan khalifah yang sering dilakukan di sekolah. - Membuli - Merokok - Mencuri	2 isi x 1m =2m
		(ii)	Cara untuk mengatasi masalah vandalisme. - Mengenakan hukuman(I) seperti denda kepada pelajar tersebut(H1) agar dapat memberi pengajaran kepada pelajar yang lain(H2). Kesimpulannya pelajar hendaklah sentiasa mematuhi disiplin sekolah agar dapat belajar dengan selesa(K)	4 isi x 1m =4m
	(c)	(i)	Maksud perundangan Islam. - Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada yang berkaitan dengan akidah, ibadat, akhlak, muamalat, munakahat dan jenayah demi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.	1 isi x 2m =2m
		(ii)	Dua cara merealisasikan sistem perundangan Islam dalam kehidupan. - mengamalkan cara hidup Islam (I) supaya diberkati Allah SWT(H) - Berpegang teguh dengan peraturan Allah SWT(I) kerana Allah SWT	2 isi x 2m =4m

		Maha Mengetahui(H) - Melaksanakan segala perintah Allah SWT(I) seperti menunaikan solat lima waktu(H) - Meninggalkan segala larangan Allah SWT(I) supaya hidup tidak terpesong daripada kebenaran(H) - Sentiasa mengamalkan akhlak mulia(I) supaya kehormatan terpelihara(H)	
	(d)	Dua kesan pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam - Merosakkan akidah(I) seperti berlaku perkara syirik(H) - Mengancam keselamatan nyawa(I) seperti berlaku jenayah pembunuhan(H) - Merosakkan akal(I) melalui perbuatan minum arak dan penagihan dadah(H) - Merosakkan keturunan manusia(I) seperti kelahiran anak luar nikah(H) - Mewujudkan sistem ekonomi yang haram(I) seperti amalan riba dan rasuah(H)	2 isi x 2m =4m
6	(a)	Dua keistimewaan sistem sosial Islam. - Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah(I) untuk mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup di duni dan di akhirat(H) - Menjaga hak asasi manusia(I) untuk mendapat keadilan dan mengamalkan ajaran agama masing-masing(H) - Menjadikan keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera(I) kerana berasaskan wahyu dan peraturan yang telah ditetapkan(H) - Membangunkan modal insan yang berilmu dan berakhlak mulia(I) untuk membangunkan negara pada masa akan datang(H)	2 isi x 2m =4m
	(b)	Dua tindakan yang sesuai bagi merealisasikan sistem sosial Islam dalam kehidupan - Gotong royong - Program RIMUP - Sukaneka	2 isi x 1m =2m

(c)		Dua adab dan etika kesenian Islam - Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan(I) agar dapat melihat kekuasaan Allah SWT(H) - Hasil seni yang tidak bercanggah dengan syarak(I) agar tidak terpesong akidah(H) - Kesenian yang berteraskan nilai akhlak Islam(I) agar tidak dicemari dengan penipuan(H) - Mencipta karya asli(I) bukan ciplak(H) - Berkarya secara sederhana dan tidak melampaui batas(I) agar tidak terpesong dari syariat yang sebenar(H) - Tiada unsur merosakkan akidah dan maksiat(I) agar keimanan terjaga(H) - Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain(I) agar keharmonian dapat dijaga(H)	2 isi x 2m =4m
(d)		Kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam. - Mengakui dan menyakini kekuasaan Allah SWT(I) Yang Maha Berkuasa lagi Maha Menciptakan(H) - Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT(I) agar hidup diberkati(H) - Memenuhi fitrah manusia(I) yang menyukai keindahan selari dengan syarak(H) - Mengetahui batasan manusia dalam berkarya(I) agar tidak menyalahi syariat(H) - Memberi panduan dalam menghasilkan seni(I) yang menepati nilai-nilai akhlak Islam(H) - Mempamerkan kecemerlangan tamadun Islam(I) untuk dilihat oleh negara luar(H)	1 isi x 2m =2m
(e)		Maksud khalifah - Individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir dunia mengikut syariat Allah SWT	1 isi x 2m =2m

	(f)	Yang akan berlaku sekiranya pemimpin tidak mengikut syariat Islam dalam pemerintahannya - Jenayah berleluasa(I) kerana tiada penguatkuasaan agama(H1) yang menyebabkan masyarakat bebas melakukan maksiat(H2) seperti penzinaan (H3) yang menyebabkan lahirnya anak-anak luar nikah(H4). Kesimpulannya pemimpin hendaklah dipilih dikalangan yang muslim dan beriman agar kehidupan diberkati oleh Allah SWT(H) Cadangan isi yang lain: - Masyarakat huru hara - Negara tidak diberkati	6 isi x 1m =6m
--	-----	--	---------------------------